

Perjanjian Kerangka Global

antara

Norsk Hydro ASA

dan

IMF/ICEM

Fellesforbundet dan IndustriEnergi

bagi

**pembentukan hubungan kerja yang baik
di operasi Norsk Hydro ASA di seluruh dunia.**

1. MUKADIMAH

Pihak yang terlibat dalam Perjanjian ini adalah Norsk Hydro ASA, selepas ini dirujuk sebagai Hydro, Fellesforbundet (Persekutuan Bersatu Kesatuan Sekerja Norway) dan IndustriEnergi, selepas ini dirujuk sebagai Rakan Kesatuan Norway, IMF (Kesatuan Pekerja Logam Antarabangsa) dan ICEM (Persekutuan Antarabangsa bagi Kesatuan Sekerja Pekerja Kimia, Tenaga, Lombong dan Umum), selepas ini dirujuk sebagai IMF/ICEM. Selepas ini, semua pihak dalam Perjanjian ini akan dirujuk sebagai Semua Pihak.

Tujuan Perjanjian ini adalah untuk mewujudkan saluran maklumat yang terbuka antara Semua Pihak mengenai isu hubungan industri untuk memperbaiki dan membangunkan amalan kerja baik secara berterusan di operasi Hydro di seluruh dunia.

Prinsip yang diterangkan di dalam Perjanjian ini mengambil kira, tetapi tidak terhad kepada, Deklarasi Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja 1998 Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Konvensyen dan Syor ILO tertentu, Global Compact Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Deklarasi Universal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Manusia dan Garis Panduan OECD bagi Syarikat Multinasional, serta polisi Hydro sendiri yang datang daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya sendiri.

Hydro komited kepada mewujudkan nilai mapan bagi pemegang sahamnya, pihak berkepentingan lain dan komuniti tempat Hydro beroperasi. Sebagai sebuah syarikat perindustrian dan sumber semula jadi antarabangsa, operasi Hydro memberi kesan kepada kehidupan begitu ramai orang di seluruh dunia. Hydro memburu peluang sambil menguruskan risiko dengan mengambil kira kesan sosial operasi perniagaannya. Sebagai melanjutkan komitmennya, Hydro mempunyai satu program tanggungjawab sosial korporat komprehensif

yang telah menghasilkan pelbagai polisi yang menghayati nilai syarikat ini di seluruh dunia. Hydro berusaha untuk mematuhi prinsip yang ditetapkan di dalam polisi ini dan untuk secara berterusan memperbaiki dan membangunkan amalan kerja yang baik.

Perjanjian ini meliputi semua aktiviti di mana Hydro mempunyai kawalan langsung, di mana pelaksanaannya akan menurut undang-undang dan amalan kebangsaan negara tuan rumah di mana Hydro terletak. Di mana Hydro tidak mempunyai kawalan keseluruhan, ia akan melaksanakan usaha terbaiknya untuk memastikan pematuhan standard yang ditetapkan di dalam perjanjian ini. Hydro akan menyediakan perjanjian ini kepada semua syarikat, rakan kongsi dan kontraktor Hydro.

2. PRINSIP ASAS

Semua Pihak mengesahkan sokongan mereka bagi hak asasi manusia asas di dalam komuniti dan tempat kerja. Semua pihak juga mengiktiraf kepentingan melindungi keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja.

Setakat mana prinsip asas yang digariskan di sini tidak menurut undang-undang kebangsaan dan amalan di negara tuan rumah di mana Hydro terletak, Hydro berhasrat mencari penyelesaian setempat menurut undang-undang kebangsaan yang digunakan dan polisi CSR Hydro sendiri.

Hak asasi manusia asas termasuk:

a) Kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif;

menghormati hak pekerja untuk diwakili oleh kesatuan pilihan mereka sendiri dan hak kesatuan sekerja asas seperti ditakrifkan oleh Konvensyen 87 dan 98 ILO, yang meliputi kebebasan berpersatuan dan hak untuk mengatur dan terlibat dalam perundingan kolektif.

Wakil setempat pekerja tidak akan tertakluk kepada sebarang diskriminasi dan akan mempunyai akses kepada semua tempat kerja yang perlu untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagai wakil menurut konvensyen 135 dan syor 143 ILO.

Mengenai 2a di atas: Kedua-dua pihak bersetuju bahawa protokol 17.12.2010 diguna pakai.

Hydro menghargai keupayaannya untuk berkomunikasi dengan pekerjaanya dan untuk berdialog dengan mereka secara individu dan melalui wakil mereka.

b) Diskriminasi;

memberikan kesamaan peluang dan layanan dalam perekrutan, pekerjaan, latihan dan pembangunan kerjaya, tanpa mengira bangsa, warna, jantina, keahlian atau gabungan dengan kesatuan sekerja, agama, pegangan politik, asal usul kewarganegaraan atau budaya, seperti diperlukan oleh Konvensyen 100 dan 111 ILO masing-masing. Ini termasuk gaji yang sama bagi lelaki dan wanita bagi kerja yang sama nilainya.

c) Buruh paksa;

tidak mengambil buruh paksa atau terikat bekerja seperti yang diharamkan di dalam Konvensyen 29 dan 105 ILO atau sebaliknya.

Mana-mana pekerja juga tidak akan diperlukan untuk membayar sebarang deposit, atau meninggalkan dokumen pengenalan mereka, kecuali diperlukan oleh pihak berkuasa kebangsaan atau serantau.

d) Buruh kanak-kanak;

tidak mengambil bekerja buruh kanak-kanak seperti diharamkan oleh Konvensyen 138 dan 182 ILO.

e) Kesihatan & Keselamatan;

menyediakan pekerja persekitaran kerja yang sihat dan selamat dengan mengiktiraf kepentingan melibatkan dan bekerja bersama pekerjanya, wakil dan kesatuan sekerja mereka, secara berterusan meningkatkan prestasi kesihatan dan keselamatan, rujukan Konvensyen 155 ILO.

Kedua-dua pihak mengiktiraf bahawa semua pekerja mempunyai tanggungjawab mengenai kesihatan, sekuriti dan keselamatan mereka sendiri dan komited untuk memastikan tempat kerja bebas dadah. Hydro komited untuk menyediakan buat pekerja tetap dan sementara latihan mengenai bahaya pekerjaan dan pencegahannya. Melalui komitmen ini, Hydro berhasrat untuk membasmi kemalangan dan kecederaan di seluruh operasinya.

f) Upah;

prinsip bagi membayar upah dan faedah yang saksama menurut standard industri yang baik di negara berkenaan dengan mengambil kira keperluan asas pekerja.

Semua pekerja akan menerima maklumat mengenai upah dan pemotongan, baik semasa diambil bekerja dan secara tetap semasa pekerjaan. Pemotongan tidak akan dilakukan daripada upah sebagai tindakan disiplin. Penyata gaji akan menunjukkan sebarang pemotongan.

g) Jam bekerja;

mematuhi undang-undang dan amalan kebangsaan yang berkaitan, serta perjanjian kolektif kebangsaan dan standard industri.

h) Syarat pekerjaan;

Hydro mengiktiraf bahawa pekerjaan tetap adalah lebih diutamakan dan tidak akan menggunakan kakitangan upahan, kakitangan separuh masa dan sementara untuk menjejaskan upah dan syarat pekerjaan.

Kedua-dua Pihak mengiktiraf bahawa pekerja upahan, separuh masa dan sementara diperlukan sekali-sekala, dan bahawa penggunaannya yang berkesan akan membolehkan Hydro menyesuaikan diri dengan pantas dengan keadaan yang berubah, dengan itu meningkatkan jaminan kerja dan kebolehamalan serta pekerjaan tetap.

Pekerja sementara dan separuh masa akan menerima latihan, susulan dan peralatan perlu yang sama untuk menjalankan fungsi mereka secara selamat.

3. LATIHAN KEMAHIRAN

Hydro berhasrat untuk menyediakan kepada semua pekerja peluang untuk menyertai program pendidikan dan latihan termasuk latihan untuk memperbaiki kemahiran pekerja untuk menggunakan teknologi dan peralatan baru.

4. HIV/AIDS

Hydro berhasrat untuk meningkatkan kesedaran mengenai masalah HIV/AIDS dan mengenai program pencegahan sebagai mematuhi kod amalan HIV/AIDS ILO.

5. KEADAAN ALAM SEKITAR

Hydro mengiktiraf kepentingan menjalankan aktiviti dan operasi dengan menghormati alam sekitar, termasuk mengambil pendekatan mencegah kepada cabaran alam sekitar. Hydro akan mematuhi undang-undang alam sekitar kebangsaan, dan berusaha untuk meminimumkan pembuangan, pengeluaran dan penghasilan bahan sisa yang merbahaya.

6. PELAKSANAAN

- a) Rakan Kesatuan Norway dan IMF/ICEM akan mengedarkan salinan perjanjian ini kepada semua kesatuan ahlinya yang mengurus pekerja di syarikat Hydro di seluruh dunia. Hydro akan menyediakan perjanjian ini kepada semua syarikat, rakan kongsi dan kontraktor Hydro.
- b) Semua Pihak memperakukan bahawa pemantauan Perjanjian ini akan melibatkan pihak pengurusan setempat, pekerja, wakil mereka, wakil kesihatan dan keselamatan serta kesatuan sekerja setempat.
- c) Dalam konteks operasi Hydro di peringkat setempat serta undang-undang dan amalan kebangsaan, wakil kesatuan atau pekerja akan mempunyai hak untuk memaklumkan ahli masing-masing mengenai peruntukan tenaga kerja Perjanjian ini.
- d) Hydro menyokong dan menggalakkan kontraktor, pembekal dan pelanggannya untuk mengambil prinsip yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini sebagai pertimbangan semasa membangunkan atau melaksanakan polisi korporat mereka sendiri.

7. PELANGGARAN PERJANJIAN INI

Sekiranya terdapat aduan yang timbul di bawah Perjanjian ini prosedur berikut biasanya akan diguna pakai:

- a) Aduan perlu dibuat dengan pihak pengurusan tapak setempat. Kedua-dua pihak akan menggalakkan penyelesaian setempat menurut undang-undang dan amalan kebangsaan.

- b) Jika aduan tidak diselesaikan dengan pihak pengurusan setempat, ia boleh dirujuk kepada kesatuan sekerja kebangsaan yang bersesuaian yang akan mengemukakan isu ini kepada Hydro di peringkat kebangsaan atau serantau.
- c) Jika masih tidak diselesaikan, aduan boleh dirujuk kepada ibu pejabat IMF/ICEM, yang akan mengemukakan perkara ini kepada pihak Pengurusan Korporat syarikat. Semua Pihak bersetuju untuk melibatkan diri dalam dialog mengenai aduan ini dan jika perlu, bersetuju dengan langkah yang sesuai.
- d) Selepas proses ini telah habis digunakan, kegagalan untuk mencapai konsensus akan bermakna penamatan perjanjian ini.
- e) Semua Pihak bersetuju bahawa Semua Pihak mahu pun pihak ketiga tidak boleh menerbitkan atau menguatkuasakan sebarang hak undang-undang daripada perjanjian ini.

8. SEMAKAN BERKALA

Semua Pihak bersetuju untuk bertemu setiap tahun di waktu dan lokasi yang saling sesuai, untuk menyemak prinsip, amalan, keberkesanan dan kesan perjanjian ini. Matlamatnya adalah untuk saling bertukar pandangan mengenai situasi semasa, dan secara bersama membangunkan hubungan kerja baik yang selanjutnya di Hydro. Tidak ada mana-mana pihak akan diwajibkan untuk terlibat dalam pelaporan berkala atau diperlukan untuk bertemu lebih kerap daripada sekali setahun sehubungan dengan Perjanjian ini.

Semua Pihak akan melantik wakil mereka untuk turut serta dalam mesyuarat ini.

Versi Bahasa Inggeris asal perjanjian ini akan merupakan versi rasmi Perjanjian ini.

9. TEMPOH DAN RUNDINGAN SEMULA

Perjanjian ini akan sah bagi tempoh 2 tahun, yang boleh dipanjangkan atau dirundingkan semula selepasnya. Salah satu pihak boleh menamatkan Perjanjian ini, atau mana-mana perjanjian pengganti kepada Perjanjian ini dengan memberikan pihak yang lagi satu notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis mengenai hasratnya untuk menamatkan Perjanjian ini.

Oslo, 15 Mac 2011

.....
Wenche Agerup
Norsk Hydro ASA

.....
Jyrki Raina
IMF

.....
Manfred Warda
ICEM

.....
Arve Bakke
Fellesforbundet

.....
Leif Sande
IndustriEnergi